



Keluarga Rabbani
Amalan Didikan Ibu Bapa Islam

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali




UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية العالمية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Keluarga Rabbani
Amalan Didikan Ibu Bapa Islam

© 2010

MAJLIS BUKU ISLAM MALAYSIA



MAJLIS BUKU ISLAM MALAYSIA
Pusat Buku Islam
No. 1, Jalan Sultan
2001 Kuala Lumpur

2010



Karya kecil ini penulis dedikasikan buat semua guru-guru awal penulis termasuklah ibu bapa penulis yang telah mengajar untuk mengenali titik dan huruf-huruf, bermula alif hingga ya, sehingga penulis mampu untuk membaca ayat – ayatNya dan penulis akan terus membacanya. Juga buat Usrah Mahbubah: Siti Rafidah, Wan Adam Ramadhan dan Wan Umar Rahman. Moga kita semua terus disinari limpahan rahmat Allah Ta'ala



Keluarga Rabbani
Amalan Didikan Ibu Bapa Islam

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali



Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2011

CETAKAN PERTAMA 2009
CETAKAN KEDUA 2011
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083
www.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh:

DESIGN SELL
No. 4 Jalan 8/33B, Seksyen 8
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
Tel / Faks: 03-8926 9709

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali

Keluarga Rabbani: amalan didikan Ibu bapa Islam/ Wan Mohd Fazrul Azdi
Wan Razali.

ISBN 978-967-5295-73-7

1. Child rearing--Religious aspects--Islam. 2. Child rearing--Religious
aspect--Islam. I. Judul.

297.577

Keluarga Rabbani
Amalan Didikan Ibu Bapa Islam

KANDUNGAN

JADUAL TRANSLITERASI & KEPENDEKAN	vi
SETITIK PENCERAHAN	ix
SEKAPUR SIREH	xi
Pendahuluan	1
Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Amalan Didikan Ibu Bapa	5
Contoh Karya Awal Dalam Amalan Didikan Ibu Bapa Islam	11
Konsep Amalan Didikan Ibu Bapa Islam	25
Tujuan Amalan Didikan Ibu Bapa Islam	29
Ciri-Ciri Amalan Didikan Ibu Bapa Islam	35
Kesimpulan	49
BIBLIOGRAFI	53

JADUAL TRANSLITERASI & KEPENDEKAN

HURUF

Arab	Latin	Contoh	Transliterasi
ء	'	أولياء	Awliyā'
ب	b	بنا	Bannā
ت	t	تعارف	Ta'aruf
ث	th	ثلاثين	Thalāthīn
ج	j	جيلاني	Jilānī
ح	ḥ	حال	Ḥāl
خ	kh	خديجة	Khadijah
د	d	داعي	Dā'ī
ذ	dh	ذكر	Dhikr
ر	r	رابطة	Rābiṭah
ز	z	زكير	Zakīr
س	s	سيد	Sayyid
ش	sh	شيخ	Shaikh
ص	ṣ	صحابه	Ṣahābah
ض	ḍ	ضعيف	Ḍa'if
ط	ṭ	طرق	Ṭuruq
ظ	ẓ	عظيم	'Aẓīm
ع	'	عبد	'Abd
غ	gh	غني	Ghanī
ف	f	فتوحات	Futūḥāt

ق	q	قرطبي	Qurṭubī
ك	k	كبار	Kibār
ل	l	لم	Lam
م	m	مأثورات	Ma'thūrāt
ن	n	نقد	Naqd
و	w	وصايا	waṣāyā
هـ	h	هجرة	Hijrah
ي	y	يوسف	Yūsuf

VOKAL PENDEK

Vokal Arab	Vokal Latin	Contoh	Transliterasi
ا	a	أدب	Adab
ي	i	عاصم	‘Āṣim
و	u	علم	‘Ilm

VOKAL PANJANG

Vokal Arab	Vokal Latin	Contoh	Transliterasi
آ	ā	مضار	maḍār
و	ū	علوم	‘ulūm
ي	ī	كبير	Kabīr

DIFTONG

Vokal Arab	Vokal Latin	Contoh	Transliterasi
او	aw	نوم	Nawm
اي	ay	ليل	Layl

KEPENDEKAN

AS	°Alayhi/ ha/ hima/ him al-Salām
AWJ	°Azza Wa Jalla
H	Tahun Hijrah
M	Tahun Masihi
r.a.	Rahimahu / ha / hum Allahu
RA	Raḍiya Allahu °Anhu / hum / huma
SAW	Ṣalla Allahu °Alayhi Wa Sallam
SWT	Subhānahu Wa Ta°āla

Setitik Pencerahan

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم : إن الله قال من عادى لي وليا فقد آذنته بالحرب وما تقرب إلي عبدي بشيء أحب إلي مما افترضت عليه وما يزال عبدي يتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه فإذا أحببته كنت سمعه الذي يسمع به وبصره الذي يبصر به ويده التي يبطش بها ورجله التي يمشي بها وإن سألني لأعطينه ولئن استعاذني لأعيذنه وما ترددت عن شيء أنا فاعله ترددي عن نفس المؤمن يكره الموت وأنا أكره مساءته.

(رواه البخاري، وأحمد بن حنبل، وابن حبان، وأبو نعيم الأصبهاني، والبيهقي، والبغوي، والسيوطي، والهيثمي)

Terjemahannya: *Daripada Abu Hurairah RA : Sabda Rasulullah SAW: Sesungguhnya Allah berfirman: "Barang siapa yang memusuhi waliKu, sesungguhnya Aku mengizinkan supaya dia diperangi. Tidak ada amal paling Aku senangi yang digunakan oleh hambaKu untuk mendekatkan diri kepadaKu selain ibadah yang telah Aku fardukan kepadanya. HambaKu yang senantiasa mendekatkan diri kepadaKu dengan ibadah sunat (nawafil), pasti Aku mencintainya. Jika Aku sudah mencintainya, maka Aku menjadi pendengarannya yang dengannya dia mendengar; Aku menjadi penglihatannya yang dengannya dia melihat; Aku menjadi tangannya yang dengannya dia membuat (sesuatu); Aku menjadi kakinya yang dengannya dia berjalan; jika dia memohon kepadaKu pasti akanKu beri; jika dia memohon perlindungan daripadaKu pasti akan Aku lindungi dia. Aku tidak pernah bimbang dalam melakukan sesuatu sebagaimana kebimbanganKu ketika hendak mencabut nyawa seorang mukmin yang tidak menyukai sakitnya sakaratul maut, sementara Aku pun tidak ingin menyakitinya."*

(Riwayat Bukhari, Ahmad Ibn Hanbal, Ibn Hibban, Abu Nu'aym Al-Asbahani, Al-Bayhaqi, Al-Baghawi, Al-Suyuti dan Al-Haythami)

Sekapur Sireh

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Program PERMATA Insan telah berjaya menerbitkan buku Menjana Cendekiawan Islam bersempena dengan Majlis Pelancaran Program PERMATA Insan.

Saya merasa amat terharu melihat perkembangan program PERMATA. Bermula dengan program PERMATA Negara yang memberikan fokus kepada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun, program PERMATA telah mengorak langkah dengan melancarkan program PERMATA Pintar khusus untuk membangunkan potensi kanak-kanak yang pintar, cerdas dan berbakat dalam bidang akademik. Hasil kejayaan melaksanakan program PERMATA Pintar, program PERMATA Seni telah diperkenalkan untuk membantu kanak-kanak yang berbakat dalam bidang seni membangunkan potensi mereka. Ini telah memberikan inspirasi kepada saya untuk melahirkan program PERMATA Insan ini. Program ini merupakan sebahagian daripada program PERMATA dengan penumpuan kepada para pelajar pintar, cerdas dan berbakat yang mempunyai kecenderungan dan kebolehan yang tinggi dalam bidang pengajian Islam.

Program PERMATA Insan ini adalah satu program yang begitu istimewa di hati saya kerana ianya dirangka khusus untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak di negara kita untuk dibangunkan potensi mereka secara optimum bagi mencapai hasrat untuk melahirkan Cendekiawan Islam yang ulung. Insya-Allah akan lahirlah seorang Ibn Sina, Ibn Khaldun, Al-Ghazali dan Al-Khawarizmi dari Malaysia suatu hari nanti.

Saya amat berbangga kerana buku Menjana Cendekiawan Islam ini merupakan hasil idea dan pencernaan kreativiti para penulis yang terdiri daripada para akademik di Universiti Sains Islam Malaysia. Kandungan buku ini digarap dengan begitu baik bagi mencerminkan konsep keseluruhan program PERMATA Insan yang menekankan penguasaan dalam bidang Al-Quran dan Al-Sunnah, Pembangunan Insan, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Besarlah harapan saya untuk melihat bakal sarjana dan teknokrat Islam pada masa akan datang merupakan mereka yang terdidik daripada program PERMATA ini, Insya-Allah.

Permata Insan: *Keluarga Rabbani: Amalan Didikan Ibu Bapa Islam*

Indah sulaman selendang sutera
Dipakai oleh gadis jelita
Anak-anak modal insan negara
Digilap awal tinggi nilainya

Buaian digantung di tepi titi
Anak bermain berhati-hati
PERMATA Insan program murni
Menjana Cendekiawan Islam sejati

Setinggi penghargaan dan sekalung tahniah saya rakamkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia, kepada semua penulis dan mereka yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan buku Menjana Cendekiawan Islam ini.

Sekian, terima kasih, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR

Isteri Y.A.B Perdana Menteri,

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Dasar Permata Negara.

Pendahuluan

Semenjak manusia pertama¹ sehingga ke hari ini, generasi demi generasi umat manusia telah berlalu dan silih berganti. Perkara ini telah dibincangkan dalam pelbagai disiplin ilmu dan sains kemanusiaan. Dari sudut antropologi, maklumat ini dihuraikan secara lengkap dalam sebuah kajian ikatan kekeluargaan, genealogi atau *kinship*.² Dalam bidang sosiologi pula, kewujudan sesebuah keluarga itu dibahasakan secara terperinci dengan melihat fungsinya sebagai salah satu institusi sosial.³ Begitu juga dalam disiplin psikologi kekeluargaan, keturunan yang meneruskan lagi legasi sesebuah keluarga dikaji untuk melihat hubungan antara aspek *psyche* dan penerusan generasi ini.⁴

Keluarga merupakan sebuah institusi sosial yang paling kecil dalam masyarakat manusia. Keluarga juga merupakan agen terpenting dalam pembinaan awal sebuah komuniti yang bakal membentuk sebuah tamadun yang unggul. Dan sebaliknya, sesebuah keluarga juga boleh menyebabkan virus-virus masyarakat merebak dan meranapkan sesebuah bangsa dan negara. Perkara ini bergantung kepada apakah nilai-nilai yang diterapkan dalam sesebuah keluarga, seperti sebuah pepatah Inggeris pernah menyebutkan : *As you sow, so you shall reap*.

Buku kecil ini bertujuan menyingkap nilai-nilai yang perlu diterapkan dalam sesebuah keluarga menurut perspektif Islam. Dalam perkataan lain, buku kecil ini akan menghuraikan secara ringkas amalan didikan ibu bapa (*parenting skills and styles*). Seperti yang termaktub pada tajuk buku kecil ini, adalah *ipso facto* bahawa fokus utama yang akan diberikan adalah pandangan-pandangan Islam. Rujukan utama dalam usaha mengetengahkan amalan didikan ibu bapa Islam ini telah diambil daripada sumber-sumber utama ajaran Islam iaitu *Al-Quran Al-Karim*, *Al-Sunnah Al-*

¹ Dalam perbendaharaan Islam, dikenali sebagai *Abu Al-Bashar* atau bapa segala manusia iaitu Nabi Adam AS.

² Marc J. Swartz dan David K. Jordan. 1980. *Culture: The Anthropological Perspective*, New York: John Wiley&Sons. hal. 163-218.

³ Felix M. Berardo dan Constance L. Shehan. 2007. "Family Sociology in the 21st Century." *21st Century Sociology: A Reference Handbook*. Clifton D. Bryant dan Dennis L. Peck (Editor). California: Sage Publications. hal. 289-296.

⁴ Sebagai contoh, boleh dilihat Teori Perkembangan Epigenetik oleh Erik H. Erikson (1994-1902) berkenaan Martin Luther (1546-1483) dan Mahatma Gandhi (1948-1869). Lihat David M. Wulff. 1991. *Psychology of Religion: Classic and Contemporary Views*. New York: John Wiley&Sons. hal. 384-4008.

Nabawiyyah berserta huraian-huraian daripada sarjana-sarjana Islam yang muktabar, termasuklah mereka daripada generasi awal dan kontemporari.

Kalimah *rabbani* yang digunakan sebagai tajuk buku ini adalah dari sudut etimologi kalimah Arab yang berakar kepada perkataan *rabb* yakni Tuhan. Menurut Al-Zamakhshari (1070-1143 AD),⁵ Alif dan Nun ditambah pada kalimah ini menunjukkan *mubālaghah* atau penonjolan. Adapun *ya nisbah* yang ditambahkan kepada perkataan *rabb* ini memberi maksud bahawa terdapat suatu subjek yang dinisbahkan (*mansub*) kepadanya. Ringkasnya, *rabbani* bermaksud sesuatu yang mempunyai nilai ketuhanan, kerana ikatan yang diwujudkan atau yang secara *alaminya* wujud dalam sesuatu. Untuk membentuk sebuah keluarga *rabbani*, memerlukan anggota-anggota yang terlebih dahulu merintis jalan ini. Keluarga *rabbani* tidak boleh dicapai semata-mata dengan pengetahuan, malah memerlukan amalan yang berterusan dan penghayatan yang tulen dari hati. Sesuai dengan kata Sayidina Ali RA yang sangat masyhur:

ليس الإيمان بالتمني ولكن ما وقر به القلب وصدقه العمل

Maksudnya: *Bukanlah iman atau kepercayaan seseorang itu hanyalah harapan semata-mata, akan tetapi iman atau kepercayaan itu adalah apa yang hati tunduk padanya dan dibenarkan oleh segala perbuatannya.*

Dalam sebuah karya yang sangat popular oleh Almarhum Sayid Abu Al-Hasan ‘Ali Al-Nadwi (1913-1999) bertajuk *Rabbaniyyah La Rahbaniyyah*,⁶ beliau telah menjelaskan bagaimana berlakunya jenayah kefahaman dalam benak para Muslim sehingga sanggup mengeneppikan, menidakkan dan meninggalkan

⁵ Tafsiran ini dapat dilihat dalam huraian beliau kepada sebuah *athar* oleh Sayidina Ali Karamallahu Wajhahu RA dalam kitab *Al-Fāiq Fī Ḥarīb Al-Ḥadīth Wa Al-Athār*:

الناس ثلاثة : عالم رباني، ومتعلم على سبيل نجات، وهمج رعاع أتباع كل ناعق

Maksudnya: *Manusia ada tiga golongan iaitu yang pertama; seorang alim (yang bijak) dan rabbani (mempunyai nilai ketuhanan). Kedua; seorang pelajar yang mencari usaha melindungi dirinya. Ketiga, serangga-serangga kecil yang bodoh yang hanya mengikut binatang ternakan.*

⁶ Penulis mendapat ilham untuk menamakan buku ini sebagai Keluarga Rabbani setelah membaca buku Almarhum Al-Nadwi. Moga Allah AWJ mencucuri rahmat ke atas roh beliau. Lihat: Al-Nadwi, Abu Al-Hasan ‘Ali. 2000. *Rabbaniyyah La Rahbaniyyah*. Dimashq: Dār Al-Qalam. Buku ini sememangnya sangat signifikan kepada masyarakat Malaysia moden yang memerlukan bimbingan kerohanian di samping kemantapan fizikal seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat RA, imam-imam rabbani r.a. seperti Shaykh ‘Abd Al-Qadir Al-Jilani (470H/ 1077M – 561H/1166M), Shaykh Al-Islam Ibn Taimiyyah (1263-1328M), Shaykh Ahmad Sirhindi (1564-1624M), Shaykh Waliyullah Al-Dahlawi (1703-1762M), Al-Amir ‘Abd Al-Qadir Al-Jaza’iri (1808-1883M), Al-Imam Hasan Al-Banna (1906-1949M) dan ramai lagi. Pendapat peribadi penulis, para saintis, pemikir dan sarjana Islam r.a. dalam pelbagai bidang pada masa dahulu juga memiliki sifat rabbani ini yang dapat melahirkan personaliti-personaliti unggul seperti Al-Biruni (973-1048M) dalam bidang antropologi dan sosiologi; Ibn Khaldun (1332M/732H – 1406M/808H) dalam bidang historiografi dan sosiologi, Ibn Rushd (1126-1198M) dalam bidang falsafah dan sains politik; dan ramai lagi. Malah ramai juga sarjanawan Islam kontemporari yang mengajak ke arah yang sama seperti Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (lahir 1931), Prof. Dr. Seyyed Hossein Nasr (lahir 1933), Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti, Dr. Malik Badri, Almarhum Prof. Dr. Abdul Halim Mahmud (1910-1978), Almarhum Shaykh Muhammad Al-Ghazali (1917-1996) dan ramai lagi.

ajaran kerohanian Islam, sedangkan sifat rabbani inilah yang menjadi buah atau hasil dari kerohanian Islam itu. Sebagai jawapan, beliau berkata:

أما إذا عدلنا عن هذا المصطلح الذي نشأ وشاع في القرن الثاني، ورجعنا إلى الكتاب والسنة وعصر الصحابة والتابعين، وتأملنا في القرآن والحديث، وجدنا القرآن ينوّه بشعبة من شعب الدين، ومهمة من مهمات النبوة يعبر عنها بلفظ (التزكية) ويذكرها كركن من الأركان الأربعة التي بعث الرسول الأعظم صلى الله عليه وآله وسلم لتحقيقها وتكميلها: ﴿هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ﴾ [سورة الجمعة : ٢]. وهي تزكية النفوس وتهذيبها وتحليلتها بالفضائل، وتحليلتها من الرذائل، التزكية التي نرى أمثلتها الرائعة في حياة الصحابة رضوان الله عليهم وإخلاصهم وأخلاقهم، والتي كانت نتيجتها هذا المجتمع الصالح الفاضل المثالي، الذي ليس له نظير في التاريخ، وهذه الحكومة العادلة الراشدة لا مثيل لها في العالم.

Maksudnya: Adapun apabila kita mengadili terminologi (tasawuf) - yang muncul dan berkembang pada kurun ke-2 Hijrah- kita merujuk kepada Al-Quran dan Al-Sunnah, zaman sahabat dan para tabi'in. Kita perhatikan Al-Quran dan Al-Hadith maka kita akan dapati Al-Quran telah memberi isyarat iaitu salah satu cabang daripada pelbagai cabang agama ialah tugas kenabian yang diibaratkan sebagai Al-Tazkiyyah (penyucian diri) dan Al-Quran menyebutkannya sebagai salah satu daripada empat rukun yang dengannya diutuskan Nabi Muhammad SAW untuk ditunaikan dan direalisasikan. Firman Allah yang bermaksud : Dialah yang diutus kepada kaum seorang yang buta huruf iaitu Rasul yang membacakan ayat-ayatnya kepada mereka, menyucikan dan mengajar mereka Kitab (Al-Quran) dan Hikmah (Al-Sunnah). Sesungguhnya mereka sebelum ini benar-benar dalam kesesatan yang nyata. [Al-Jumu'ah: 2]. Al-Tazkiyyah adalah penyucian diri, pembaikannya dan menghiaskannya dengan akhlak-akhlak yang baik, serta menghapuskan sifat-sifat yang buruk. Penyucian diri ini dapat dilihat dalam kehidupan para sahabat RA, keikhlasan dan akhlak-akhlak mereka, di mana hasilnya (wujudnya) masyarakat yang baik, mulia dan exemplary (uswah), yang tidak memiliki contoh yang lain dalam sejarah sebelumnya. Inilah kerajaan yang adil dan mendapat petunjuk serta tidak ada taranya dalam dunia ini.⁷

Dengan mengamalkan sikap rabbani yang tulen, seseorang Muslim akan menjadi seorang hamba Allah yang asli dan bukannya menjadi ahli ibadat yang mengikut iklim, masa dan keadaan yang tertentu sahaja. Ramai ulama seperti Shaykh Prof. Dr.

⁷ Al-Nadwi, Abu Al-Hasan 'Ali. 2000. *Rabbaniyyah La Rahbaniyyah*. hal. 15-13.

Permata Insan: *Keluarga Rabbani: Amalan Didikan Ibu Bapa Islam*

Yusuf Al-Qardhawi (lahir 1926) dan ‘Amrū Khālid (lahir 1967) pernah berpesan agar semua Muslim mengamalkan sikap rabbani yang tulen dan tidak menjadi ahli ibadat pada bulan Ramadhan sahaja.⁸ Bertitik tolak daripada hal ini, penulis melihat keadaan ini bukan sahaja menjadi wabak berdasarkan masa iaitu pada bulan Ramadhan sahaja, malah juga berdasarkan tempat (iaitu di masjid) dan keadaan (iaitu di hadapan orang ramai). Penulis ungkapkan dalam hal ini seperti berikut:

كن ربانياً، ولا تكن رمضانياً (حسب الوقت)، مسجدياً (حسب المكان)، ومرئياً (حسب الحال)

Maksudnya: *Jadilah kita hamba Allah yang rabbani dan jangan menjadi ahli ibadat sempena bulan Ramadhan sahaja (mengikut masa), ahli ibadat kerana berada di masjid sahaja (mengikut tempat) dan ahli ibadat kerana dilihat orang ramai sahaja (mengikut keadaan).*

Merujuk kepada ungkapan tersebut, menjadi seorang yang rabbani adalah wasilah kepada pembentukan sebuah keluarga rabbani. Keluarga rabbani mempraktikkan amalan didikan ibu bapa Islam yang betul secara ikhlas dan istiqamah. Oleh itu, seterusnya akan diterangkan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan didikan ibu bapa Islam.

⁸ Beliau memberi pesanan ini kerana melihat ada golongan yang tidak memahami hakikat ibadah dan madrasah Ramadhan yang dihadihkan kepada orang Islam. Oleh itu, wujud segelintir manusia yang menjadi ahli ibadat, warak dan taat kepada Allah hanya pada bulan suci ini sahaja. Apabila tamat bulan Ramadhan, manusia-manusia yang malang ini akan kembali kepada tabiat lama yang buruk. *Wal'iyāzubillah min dhālik.*

Kesimpulan

Awalnya terdapat banyak perkara yang ingin dihuraikan dalam buku kecil ini, namun perlu disingkatkan perbincangan dan huraian untuk memudahkan pemahaman para pembaca. Semua yang telah diungkapkan dari awal buku ini hinggalah ke bahagian kesimpulan, perlu difahami sebagai maklumat asas atau kerangka awal kepada amalan didikan ibu bapa Islam. Seperti yang dinyatakan penulis dalam buku ini, sebenarnya terdapat banyak buku dan guru di luar yang boleh dirujuk untuk menambahkan pemahaman dalam perkara ini. Setiap orang berbeza kefahaman dan tafsirannya dalam satu-satu perkara. Oleh itu, diharapkan buku ini memberikan sumbangan yang termampu untuk menjelaskan secara asas apa itu amalan didikan ibu bapa Islam.

Melentur buluh, biarlah dari rebunginya, begitulah pesanan orang tua-tua dahulu kala sehinggalah ke hari ini. Anak-anak adalah anugerah yang perlu dijaga dan bukan hanya dilihat pada masa-masa lapang dan dijenguk ketika rindu sahaja. Penjagaan di sini bermaksud komitmen yang sanggup diberikan terhadap anak di samping melakukan tugas-tugas harian, menunaikan ibadat, berekreasi dan lain-lain lagi. Begitulah juga sikap anak-anak terhadap ibu bapa, mengasihi ibu bapa dengan penuh komitmen tanpa berbelah-bahagi. Dalam hal ini, ibu bapa amat berperanan untuk mencorakkan anak-anak sebelum anak-anak itu menerima 'corak-corak' luar yang tidak sihat dan bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

Cabaran masa hadapan adalah lebih dahsyat seperti yang diberitakan daripada lisan Rasulullah SAW yang sangat suci dan maksum. Di tambah pula dengan arus modenisasi dalam pelbagai rupa dan saluran yang boleh mengakibatkan gaya hidup moden dijadikan kiblat utama dan menghakis sedikit demi sedikit nilai dan amalan Islam dalam sesebuah keluarga. Sabda Rasulullah SAW:

بدأ الإسلام غريبا وسيعود غريبا كما بدأ فطوبى للغرباء

Bermulanya Islam dalam keadaan gharib (tidak dikenali) dan akan kembali gharib (tidak dikenali) sepertimana mula dahulu, maka syurgalah bagi para gharaba' (orang-orang yang tidak dikenali).⁷⁴

⁷⁴ Muslim bin Al-Hajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Hadith no. 232. Jilid. 1. hal. 130.

Permata Insan: *Keluarga Rabbani: Amalan Dilikan Ibu Bapa Islam*

Pesan Ṣāḥib Al-Faḍīlah Shaykh Mufti Prof. Dr. ‘Alī Jum‘ah (lahir 1951) dalam salah satu kuliah syarahannya dalam kitab Ihya ‘Ulūm Al-Dīn, beliau berpesan:

أن تعبد الله كما يريد تعالى ولا كما تريد

Maksudnya: *Hendaklah engkau beribadah kepada Allah mengikut apa yang dikehendakiNya, bukannya mengikut apa yang engkau kehendaki.*

Sebenarnya di sini letaknya kunci untuk menjadi seorang yang rabbani dan seterusnya berusaha untuk berkongsi cahaya dan petunjuk rabbani bersama ahli keluarga, kejiranan, masyarakat dan negara. Pesanan yang sama juga diberikan oleh Prof. Dr. Seyyed Hossein Nasr, salah seorang tokoh falsafah, sufi dan sains Islam kontemporari iaitu: *human should conform to the Divine and not the other way around* yang bermaksud “manusia sepatutnya memastikan dirinya mengikut apa yang dikehendaki oleh yang Maha Suci dan bukanlah sebaliknya”.

Setiap keluarga perlu berusaha keras dalam memupuk ke arah pembentukan dan pembudayaan keluarga rabbani ini. Anak-anak yang mendapat asuhan yang betul dan diberi pemahaman yang tepat mengenai maksud, cara dan tujuan kehidupan lazimnya tidak akan menghadapi kesukaran untuk menguruskan masalah-masalah yang mungkin akan timbul pada hari-hari mendatang. Ini disebabkan, anak-anak ini sudah pun mengetahui apa yang perlu dilakukan untuk mencapai tujuan utama (*ultimate goal*) kehidupannya iaitu tunduk dan patuh kepada Tuhan di samping merealisasikan tujuan-tujuan sampingan (*other goals*) yang sangat dinamik dan fleksibel sepanjang tumbesaran dan perkembangan hayatnya seperti belajar di sekolah, beriadah, berkerjaya dan seterusnya.

Menurut pandangan penulis, kebanyakan permasalahan yang berlaku pada masa kini dalam keluarga Muslim disebabkan kecelaruan pemikiran kerana kehilangan kompas dan petunjuk jalan. Keadaan yang hilang pedoman ini seterusnya menyebabkan kekeliruan demi kekeliruan, yang akan berbuah tanpa henti sekiranya tidak ditangani secepat mungkin. Ini kerana manusia yang hilang pedoman tidak tahu memilih jalan yang patut dituju dan yang patut dijauhi. Kedua-duanya menampakkan sirna nilai, kelihatan tanpa makna yang hak dan kelihatan tiada implikasi yang nyata bagi kewujudannya atas bumi, yang juga adalah dataran ujian bagi para hamba Allah. Maka wujudlah beberapa kategori manusia dengan pelbagai anutan falsafah serta ideologi sebagai ganti bagi ajaran Islam yang sepatutnya menyuluh jalan kehidupannya.

Oleh yang demikian, menerusi realisasi diri rabbani, seterusnya keluarga rabbani dan masyarakat rabbani, akan dapat memandu diri ke arah yang sepatutnya dituju tanpa melakukan sebarang penyimpangan. Ramai yang terkeliru kerana masyarakat sekarang terlalu sibuk, bergerak laju dan sangat materialis. Lebih parah lagi apabila pintu hati telah ditutup rapat-rapat dari menerima sebarang petunjuk dan pedoman Ilahi. *Wal‘iyādhubbillāhi Min Dhālik*. Dalam hal ini, perlu difahami bahawa tidak ada perlindungan (*al-najāt*) dan pemerolehan kebenaran melainkan dengan penyerahan

(*al-taslīm*) dan pemenuhan segala perintah-Nya kerana Allah jualah sebaik-baik Pembantu dan Pemberi hidayah. Firman Allah AWJ berkenaan pemerolehan kebenaran dan pemenuhan segala perintah-Nya ini melalui ayat ini:

﴿ وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴾

Maksudnya: *Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu (Nabi Muhammad SAW) tentang Aku, maka (jawablah), bahwasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepadaKu, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah) Ku dan hendaklah mereka beriman kepadaKu, agar mereka selalu berada dalam kebenaran.*⁷⁵

Akhir kalam, penulis sudahi dengan doa penutup:

اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتِي فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا وَأَجِرْنِي مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الآخِرَةِ، اللَّهُمَّ أَرِنِي الْحَقَّ حَقًّا وَأَرِزُقْنِي اتِّبَاعَهُ وَأَرِنِي الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَأَرِزُقْنِي اجْتِنَابَهُ، رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءَ، رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ، آمِينَ.

Maksudnya: *Ya Allah, Engkau perbaikkanlah natijah dalam setiap perkara yang aku lakukan dan jauhkanlah aku daripada kehinaan dunia dan azab akhirat. Ya Allah Engkau tunjukkanlah apa yang benar itu adalah kebenaran kepadaku dan kurniakanlah kepadaku jalan untuk mengikutu kebenaran itu. Dan tunjukkanlah apa yang batil itu adalah kebatilan dan kurniakanlah kepadaku jalan untuk menghindarinya. Ya Tuhanku, jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat, ya Tuhan kami, perkenankanlah doaku. Ya Tuhan kami, berilah keampunan padaku dan kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang yang beriman pada hari terjadinya hisab (hari kiamat).*

Wallahu Ta'ala A'lam.

⁷⁵ Al-Quran Al-Karim, Al-Baqarah 2: Ayat 186

Bibliografi

Al-Quran Al-Karim.

°Abd Al-Ḥalīm Maḥmūd. 1962. *Al-Munqidh Min Al-Ḍalāl Li Hujjah Al-Islam Al-Ghazzālī Ma'ca Abhāth Mustafīḍah °An Qaḍiyyah Al-Taṣawwuf*. Mesir: Maktabah Al-Anjlū Al-Misriyyah.

°Abdullah Nāṣih Ulwān. 1999. *Tarbiyyah Al-Awlad Fī Al-Islam*. Kaherah: Dār Al-Salām.

Ahmad Shalaby. 1971. *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.

Al-Azdī, Abu Daud Sulayman Ibn Al-Ash°ath. t.th. *Sunan Abī Daud*, Semakan: Muhammad Muḥyi Al-Dīn. Beirut: Dar Al-Fikr.

Al-Bukhārī, Muḥammad Ibn Ismā°il. 1407H. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Semakan: Dr. Mustafa Dib al-Bugha. Beirut: Dār Ibn Kathīr.

Al-Dimashqī, Muḥammad Ibn °Abd al-Raḥmān. 1987. *Raḥmah Al-Ummah Fī Ikhtilāf Al-A°immah*. Beirut: Dār Al-Kutub Al-°Ilmiyyah.

Al-Fairūzābādī. 2000. *Al-Qāmūs Al-Muḥīṭ*, Beirut: Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-°Arabī.

Al- Ghazzālī, Abū Ḥāmid (a). 1992. *Iḥyā' °Ulūm Al-Dīn*. Kaherah: Dār Al-Ḥadīth.

Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid (b). 1997. *Al-Wajīz Fī Fiqh Al-Imām Al-Shāfi°ī*. Beirut: Sharikah Dār Al-Arqam Ibn Abī Al-Arqam.

Al-Khaṭīb Al-Baghdādī. 1417H. *Al-Faqīh Wa Al-Mutafaqqih*. Arab Saudi: Dār Ibn Al-Jawzī.

Al-Muttaqī Al-Hindī, °Ali Ibn Hisām. t.th. *Kanz Al-°Ummāl Fī Sunan Al-Aqwāl Wa Al-Af°āl*. t.pl.: t.p.

Al-Nadwi, Abu Al-Hasan °Ali. 2000. *Rabbaniyyah La Rahbaniyyah*. Dimashq: Dār Al-Qalam.

Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā Ibn Sharaf (a). 2005. *Minḥāj Al-Ṭālibīn Wa °Umdah Al-Muftīn*. Jeddah: Dār Al-Minḥāj.

Permata Insan: *Keluarja Rabbani: Amalan Didikan Ibu Bapa Islam*

Al- Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā Ibn Sharaf (b). 1424H. *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Sharḥ Al-Nawawī*. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

Al-Rāzī, Fakhr Al-Dīn. 2001. *Al-Tafsīr Al-Kabīr*. Beirut: Dār Iḥyā’ Al-Turāth Al-‘Arabī.

Al-Ṭabarī, Muḥammad Ibn Jarīr. 2001. *Tafsīr Al-Ṭabarī: Jāmi‘ Al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyi Al-Qurān*. Semakan: Dr. ‘Abdullāh Al-Turkī. Kaherah: Markaz Al-Buḥūth Wa Al-Dīrāsāt Al-‘Arabiyyah Wa Al-Islāmiyyah.

Al-Ṭabrānī, Sulayman Ibn Aḥmad. 1983. *Al-Mu‘jam Al-Kabīr*. Al-Muṣil: Maktabah Al-‘Ulūm Wa Al-Ḥikam.

Al-Tirmidhī, Muhammad Ibn ‘Isa. n.d. *Al-Jāmi‘ Al-Ṣaḥīḥ Wa Huwa Sunan Al-Tirmidhī*, Semakan: Aḥmad Muḥammad Shākir. Beirut: Al-Maktabah Al-Thaqāfiyyah.

Al-Zabīdī, Muḥammad Ibn Muḥammad Al-Ḥusaynī. 2005. *Ittihāf Sādah Al-Muttaqīn Sharḥ Iḥyā’ ‘Ulūm Al-Dīn*, Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

Baumrind, Diana (a). 1994. “The Social Context of Child Maltreatment.” (Jurnal). *Family Relations*. Oct 1994. 43. 4. hal. 364-366.

Baumrind, Diana (b). 1996. “The Discipline Controversy Revisited.” (Jurnal). *Family Relation*. Oct 1996. 45. 4. hal. 410-412.

Baumrind, Diana (c). 2005. “Patterns of Parental Authority & Adolescent Autonomy.” (Jurnal). *New Directions For Child And Adolescent Development*. No. 108. Summer 2005. hal. 61-63,

Blackburn, Simon. 1996. *Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford: Oxford University Press.

Christina Hughes & Malcolm Tight. 1995. “The Myth of the Learning Society.” *British Journal of Educational Studies*. Jilid. 43. No. 3. Sep. hal. 295.

David M. Wulff. 1991. *Psychology of Religion: Classic and Contemporary Views*. New York: John Wiley & Sons.

Felix M. Berardo dan Constance L. Shehan. 2007. “Family Sociology in the 21st Century.” (Artikel). *21st Century Sociology: A Reference Handbook*. Clifton D. Bryant dan Dennis L. Peck (Editor). California: Sage Publications.

H. Ismail Yakub. 1988. *Ihya’ Ulumiddin atau Mengembangkan Ilmu-ilmu Agama*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Ibn Kathīr. 2002. *Tafsīr Al-Quran Al-‘Adhīm*. Kaherah: Dār Al-Ḥadīth.

Ibn Khaldūn, ‘Abd Al-Raḥmān bin Khaldūn (a). n.d. *Muqaddimah*. n.pl.: Dār Al-Fikr.

- Ibn Khaldūn (b). 2002. *Mukaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manẓūr. 1999. *Lisān Al-ʿArab*, Beirut: Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-ʿArabī.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. 1971. *Tuhfah al-Mawdud bi Ahkam al-Mawlud*. Semakan Shaykh ʿAbd Al-Qādir Al-Arnaūt. Damshiq: Maktabah Dār Al-Bayān.
- Ibn Taimiyyah. 1386H. *Al-Fatāwā Al-Kubrā*. Semakan: Dr. Muḥammad Ḥasanayn Makhluḥ. Beirut: Dār Al-Maʿrifah.
- Jalāl Al-Dīn Al-Maḥalli dan Jalāl Al-Dīn Al-Suyūṭī. t.th. *Tafsīr Jalalayn*. Kaherah: Dār Al-Ḥadīth.
- Jamāl ʿAbd Al-Raḥmān. 2004. *Atfāl Al-Muslimīn Kayfa Rabbāhum Al-Nabī Al-Amīn SAW*. Makkah: Dār Ṭayyibah Al-Khaḍrā'.
- Jethro K. Lieberman. 2003. "Constitution of the United States." (Artikel). Microsoft Encarta Encyclopedia Deluxe 2003.
- Marc J. Swartz dan David K. Jordan. 1980. *Culture: The Anthropological Perspective*. New York: John Wiley & Sons.
- Muhammad Abdul Rauf. 1997. *Wanita dan Keluarga Dari Pandangan Islam*. Penerjemah: Mahani Che Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nūr Ibn ʿAbd Al-Ḥāfiz Suwayd. 1999. *Manhaj Al-Tarbiyyah Al-Nabawiyyah Li Al-Ṭifl: Maʿa Numāzīj Tatbiqiyah Min Ḥayāh Al-Salaf Al-Ṣāliḥ Wa Aqwāl Al-ʿUlamā' Al-ʿĀmilīn*. Damshiq: Dār Ibnu Kathīr.
- Muḥammad Saʿīd Mursī. 2001. *Fann Tarbiyyah Al-Awlad Fī Al-Islam*. n.pl.: Dār Al-Tawzīʿ Wa Al-Nashr.
- Muslim Ibn Al-Ḥajjāj. n.d. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Semakan: Muḥammad Fuād ʿAbd Al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-ʿArabī.

Keluarga Rabbani

Amalan Didikan Ibu Bapa Islam

Buku ini menyingkap nilai-nilai yang perlu diterapkan dalam sebuah keluarga menurut ajaran Islam. Dalam perkataan yang lain, buku ini akan menghuraikan secara ringkas amalan didikan ibu bapa Islam (Islamic parenting skills and styles). Seperti yang termaktub pada tajuk buku ini, adalah *ipso facto* bahawa fokus utama akan diberikan kepada perspektif Islam berbanding selainnya. Rujukan utama dalam mengetengahkan amalan didikan ibu bapa Islam ini telah diambil daripada sumber-sumber utama ajaran Islam iaitu Al-Quran Al-Karim, Al-Sunnah Al-Nabawiyah berserta huraian-huraian daripada sarjana-sarjana Islam yang muktabar, termasuklah dari generasi awal dan kontemporari. Tidak dapat dinafikan untuk menjana cendekiawan Islam, bakal-bakal cendekiawan ini perlu dipupuk dengan corak asuhan yang sesuai. Buku ini memberikan panduan ringkas berkenaan corak didikan ini.

Wan Mohd Fazrul Azdi Bin Wan Razali adalah Ketua Program Pengajian Akidah dan Agama di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau telah mendapat pendidikan awalnya di Pulau Pinang. Kemudian menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang Dakwah dan Pengurusan Islam di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan mendapat Sarjana dalam bidang Usul Al-Din dan Perbandingan Agama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau telah menghasilkan beberapa buah buku seperti *Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu dan Berakhlak* (2005), *Kaunseling Dalam Islam* (2006), *Pendekatan Islam Dalam Penyelesaian Gejala Sosial* (2008), *Risalah Panduan Ibadat* serta terjemahannya dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin (2009) dan juga *The Modern Study of Religion: A Preliminary Survey on Clifford Geertz* (2009).

ISBN 978-967-5295-73-7



9 789675 295737